



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 4 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAQIS RAMPAS LEBIH 173 TAN KOPI, NASIONAL, BH AHAD -16 173 TAN KOPI DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16 BUJI KOPI RM3.2 JUTA DIRAMPAS, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -37 BUJI KOPI LEBIH R,3.2 JUTA DIRAMPAS, NEGERI SELANGOR/KL/JOHOR/P.PINANG, SINAR AHAD -31 MAQIS RAMPAS KOPI DARI COLOMBIA, LOKAL, METRO AHAD -12	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7. 8.	EKOSISTEM SUNGAI PERAK DIANCAM BAUNG EKOR MERAH, NASIONAL, BH AHAD -15 BAUNG PEMANGSA SPESISES ALIEN TERLEPAS KE SUNGAI PERAK, NEGARA, KOSMO -12 BAUNG EKOR MERAH TERLEPAS KE SUNGAI PERAK, LOKAL, METRO AHAD -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	MARDI TO UNVEIL NEW PADI SEEDS FOR SABAH, SARAWAK, NEWS IN BRIEF, NST -11	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10. 11. 12.	BENIH MUSANG KING TERIMA PERMINTAAN TINGGI HINGGA KE SABAH, NEGARA, KOSMO -8 PERKENAL KAEDAH ELIT, XPRESI, METRO AHAD -35 PRODUK LEBIH SIHAT, BERSIH, XPRESI, METRO AHAD -36	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAQIS rampas lebih 173 tan kopi

Pelabuhan Klang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas lebih 173 tan biji kopi dari Columbia, yang diseludup menerusi Pelabuhan Utara di sini.

Pemangku Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim, berkata biji kopi bernilai lebih RM3.2 juta itu dirampas dalam pemeriksaan rutin terhadap sebuah kontena, kira-kira jam 11 pagi Khamis lalu.

"Biji kopi seberat 173,074 kilogram itu dianggarkan bernilai RM3,239,837.22 dirampas untuk tindakan lanjut.

"Hasil pemeriksaan mendapati barang dagangan berkenaan tidak mematuhi syarat import MAQIS seperti yang dinyatakan dalam permit, lesen dan perakuan," katanya dalam kenyataan semalam.

Zamri berkata, barang dagangan berkenaan dirampas untuk siasatan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin

Biji kopi bernilai lebih RM3.2 juta itu dirampas dalam pemeriksaan rutin terhadap sebuah kontena, kira-kira jam 11 pagi Khamis lalu

Zamri Hashim,
Pemangku Pengarah MAQIS Selangor

dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama membabitkan denda melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.



Guni berisi biji kopi dari Columbia yang dirampas MAQIS di Pelabuhan Klang pada Khamis lalu.

(Foto MAQIS)

173 tan kopi dirampas

Oleh MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRI

KLANG – Cubaan sebuah syarikat yang mempunyai ratusan cawangan di seluruh negara membawa masuk 173 tan biji kopi dari Colombia bernilai RM3.23 juta gagal apabila dirampas pihak berkuasa kerana tidak mematuhi syarat import.

Biji kopi itu dirampas pada pukul 11 pagi selepas anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor membuat pemeriksaan rapi pada satu kontena di Pelabuhan Klang Utara di sini baru-baru ini.

Pemangku Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, siasatan awal barangan itu telah tiba di pelabuhan berkenaan sejak 28 Mac lalu dari Columbia.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati biji kopi tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana dinyatakan dalam permit, lesen dan perakuan.

"Siasatan lanjut juga mendapati biji kopi itu hendak digunakan oleh untuk rangkaian kedai minuman di dalam negara ini. Ia tidak mempunyai label pada bungkusan.

"Rampasan bungkusan kopi ini adalah kali pertama dilakukan Maqis tahun ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Zamri menambah kes disiasat mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan sehingga enam tahun atau kedua-duanya," ujarnya.

Jelas beliau, Maqis akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan.



SEBAHAGIAN guni mengandungi biji kopi (gambar kecil) Colombia yang dirampas Maqis di Pelabuhan Klang Utara di Klang baru-baru ini.



Biji kopi RM3.2 juta dirampas



BIJI kopi yang dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Selangor dalam pemeriksaan yang dilakukan di Pelabuhan Klang Utara, Selangor, Khamis lalu.

Oleh SITI ROHAZAH ZAINAL
rohaiah.zainal@mediamulla.com.my

PELABUHAN KLANG: Tindakan sebuah syarikat membawa masuk 173,074 kilogram biji kopi dari Colombia tanpa mematuhi syarat import membawa padah apabila kontena berisi bahan tersebut dianggarkan bernilai lebih RM3.2 juta dirampas.

Difahamkan biji kopi tersebut akan diproses terlebih dahulu untuk dipasarkan kepada rangkaian kedai kopi terkenal.

Pemangku Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Zamri Hisham berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan di Pelabuhan Klang Utara di sini, Khamis lalu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan menemukan biji kopi seberat 173,074 kilogram biji kopi itu.

"Siasatan mendapati, kontena berisi biji kopi itu telah berada di pelabuhan sejak 28 Mac lalu dan dibawa sebuah syarikat yang beroperasi di Shah Alam.

"Kita menahan kontena itu kerana barang dagangan ini tidak mematuhi syarat import MAQIS seperti yang dinyatakan dalam permit dan lesen.

"Oleh demikian, syarikat tersebut telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambah Zamri, rampasan melibatkan biji kopi itu merupakan yang pertama bagi tahun ini.

"Syarikat boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 15(2) akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

"Kita akan terus memperketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan komoditi pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan," katanya.

4/4/2021

SINAR AHAD

NEGERI

31

SELANGOR/
JOHOR/
P.PINANG

Biji kopi lebih RM3.2 juta dirampas

Barang dagangan dari
Colombia itu tidak patuhi
syarat import Maqis

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF
MOHD ZOKI

KLANG

Jabatan Perkhidmatan Kualiti dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sebuah kontena yang mengandungi biji kopi bernilai RM3.23 juta di Pelabuhan Klang Utara pada Khamis.

Pemangku Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hisham berkata, biji kopi seberat 173,074 kilogram (kg) yang dipercayai dibawa masuk dari Colombia itu dirampas dalam pemeriksaan rutin pada jam 11 pagi.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati barang dagangan berkenaan tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana yang dinyatakan dalam permit, lesen dan perakuan.

"Ia dirampas untuk siasatan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika sabit kesalahan boleh ditukar mengikut Seksyen 11(3) Akta sama membatalkan denda melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.



Maqis merampas sebuah kontena mengandungi biji kopi seberat 173,074kg bernilai RM3.23 juta di Pelabuhan Klang Utara pada Khamis.

Ekosistem Sungai Perak diancam baung ekor merah

Spesies pemangsa diternak secara haram terlepas memasuki saliran

Oleh Noor Hidayah Tauzidi
bhnews@bh.com.my

Kampung Gajah: Ekosistem Sungai Perak kini berdepan ancaman, selepas ikan baung ekor merah yang juga spesies pemangsa, diternak secara haram terlepas masuknya, sejak minggu lalu.

Ikan baung ekor merah atau nama saintifiknya, *Hemibagrus wyckii*, dipercayai terlepas memasuki saliran sungai berkenaan selepas kolam sangkar milik pengusahanya di Teluk Intan, pecah pada 29 Mac lalu.

Spesies pemangsa yang berasal dari Sungai Mekong, Vietnam itu, berbahaya kepada ekosistem,

kerana mampu memusnahkan keseluruhan hidupan asal, jika terlepas masuk ke sungai atau tasik.

Pengarah Jabatan Perikanan Perak, Zaki Mokri, berkata pihaknya tidak pernah mengeluarkan permit membawa masuk ikan baung ekor merah kerana ia termasuk dalam kategori ikan asing spesies *alien*.

Beliau berkata, pihaknya percaya pemilik sangkar berkenaan menernak ikan itu secara haram bersama ikan lain.

"Kami memang tidak mengeluarkan permit membawa masuk ikan baung ekor merah, tetapi jika ada penternak mahu membelanya, ia perlu merujuk kepada jabatan dulu.

"Ikan jenis ini memang tidak dibenarkan diternak dalam sangkar kerana dikhuatiri terlepas dalam sungai kerana ia ikan pemangsa yang sangat berisiko kepada sumber sungai kita.

"Jika boleh pun mungkin diternak dalam tangki, tetapi bukannya mudah kerana kita perlu

membuat penilaian seperti sistem penternakan dan pembuangan sisa air," katanya ketika dihubungi, semalam.

Zaki berkata, pemilik itu mempunyai 300 petak sangkar menempatkan pelbagai jenis ikan seperti patin, baung dan tilapia.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya tidak menolak individu terbabit turut membela baung ekor merah dalam dua atau tiga sangkar di Sungai Perak.

"Dalam kejadian itu tali pengikat sangkar putus dan menyebabkan 250 sangkar ikan hanyut, malah ada yang pecah. Ia turut mengakibatkan ikan mati dan terlepas ke sungai termasuk ikan baung ekor merah.

"Tetapi ikan ini dibela dan diberi makan palet, jadi ia agak jinak dan tidak pergi terlalu jauh. Dia juga akan menunggu diberi makan, jadi kita sarankan nelayan (dan pemilik sangkar sendiri) memancing atau menjala terusi ikan itu supaya spesies ini tidak membiak dalam perairan sungai kita," katanya.



Muhammad Firdaus menunjukkan baung ekor merah hasil pancing di Sungai Perak di Kampung Sungai Buaya, Kampung Gajah. (Foto Ihsan Muhammad Firdaus)

Beliau berkata, pihaknya juga sudah melakukan lawatan dan pemantauan di lokasi serta menjalankan siasatan lanjut mengenai nainya sebelum mengambil tindakan susulan lain.

Sementara itu, nelayan dari Kampung Sungai Buaya, Kampung Gajah, Muhammad Firdaus Othman, 30, berkata dia terkejut apabila ramai rakan yang memancing di Kuala Sungai Buaya memperoleh ikan baung ekor merah.

Beliau berkata, lokasi kampung mereka berhampiran Sungai Perak di Teluk Intan menyebabkan

ikan itu terlepas hingga ke kawasan mereka yang disedari dua hari selepas kejadian itu.

"Ada kawan dapat antara dua hingga sembilan ikan jenis itu ketika memancing di sungai dengan anggaran berat antara dua hingga tiga kilogram seekor.

"Kami maklum jenis ikan ini memang bahaya dan akan makan semua sumber sungai. Jika dibiarkan ia akan membiak, sekali gus menjejaskan sumber Sungai Perak di Hilir Perak yang terkenal dengan udang galah," katanya.

Baung pemangsa spesies alien terlepas ke Sungai Perak

IPOH - Jabatan Perikanan Perak percaya pemilik sangkar ikan yang pecah akibat dibanjarkan arus deras Sungai Perak dalam kejadian di Teluk Intan baru-baru ini, menternak ikan baung ekor merah tanpa permit.

Pengarahnya, Zaki Mokri berkata, ikan baung ekor merah yang dikenali sebagai ikan pemangsa itu dipercayai ditenak secara haram bersama ikan air tawar lain.

Katanya, ikan dalam kategori spesies alien itu tidak dibenarkan ditenak dalam sangkar kerana bimbang terlepas ke dalam sungai sekali gus amat berisiko kepada hidupan air tawar.

"Kami memang tidak mengeluar permit untuk membawakan ikan baung ekor merah.

"Jika boleh pun mungkin ditenak dalam tangki tetapi bukannya mudah kerana kita perlu membuat penilaian seperti sistem penternakannya dan pembuangan sisa air," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, pemilik sangkar ikan itu juga dipercayai menternak spesies ikan tersebut di dua atau tiga sangkar lain di Sungai Perak.



IKAN baung ekor merah didakwa terlepas ke Sungai Perak selepas lebih 200 sangkar ternakan pecah dihanyutkan arus.

dalam perairan sungai kita," katanya.

Media sebelum ini melaporkan beratus ribu ikan seperti tilapia merah, patin, baung dan pelbagai spesies ikan air tawar terlepas ke Sungai Perak selepas lebih 200 sangkar ternakan ikan pecah dihanyutkan arus deras Sungai Perak.

Kejadian itu dipercayai berpunca daripada tali sauh sangkar ikan yang terputus ketika air pasang.

Katanya, dalam kejadian itu, sebanyak 250 sangkar ikan pecah dan hanyut hingga mengakibatkan ikan mati dan terlepas ke sungai termasuk ikan baung ekor merah.

"Bagaimanapun, ikan itu dibela dan agak jinak serta tidak akan pergi terlalu jauh. Ikan itu akan menunggu diberi makan, jadi kita saran nelayan dan pemilik sangkar memancing atau menjala terus ikan itu supaya spesies tersebut tidak membiak

4/4/2021

METRO
AHAD

LOKAL

12

Maqis rampas kopi dari Colombia

Shah Alam: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 173,074 kilogram biji kopi dari Colombia bernilai RM3.23 juta kerana tidak mematuhi syarat import di Pelabuhan Klang Utara, Khamis lalu.

Pemangku Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hisham berkata, rampasan itu dibuat selepas menjalankan pemeriksaan rutin jam 11 pagi.

Pemeriksaan mendapati barang dagangan itu ditahan kerana tidak mematuhi syarat import Maqis sebagaimana dinyatakan perimit, lesen dan perakuan.

"La kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011

RM3.23j
Nilai Kopi dan Colombia diampas Maqis tak Datuhi Syarat Import

(Akta 738) dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya Maqis terus mempeketatkan kawalan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negeri, lesen dan perakuan.

"La kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011



BAUNG ekor merah hasil pancingan di Sungai Perak di Kampung Sungai Buaya, Kampung Gajah.

Baung ekor merah terlepas ke Sungai Perak

Kampung Gajah: Jabatan Perikanan Perak mengesahkan perimit sangkar ikan yang hanyut dan pecah di Teluk Intan pada 29 Mac lalu turut memterak baung ekor merah atau nama saintifiknya *Hemibarbus Wyckioides* di Sungai Perak.

Spesies dikategorikan sebagai ikan pemangsa yang berasal dari Sungai Mekong, Vietnam itu berbahaya kepada ekosistem sungai dan tasik apabila dikesan mampu memusnahkan keselu-

ruhan hidupan asal jika terlepas masuk ke kawasan berkenaan.

Pengarah Jabatan Perikanan Perak Zaki Mokri berkata, pihaknya tidak pernah mengeluarkan perimit mem-bawa masuk ikan baung ekor merah kerana ia termasuk dalam kategori ikan asing.

Menurutnya, pihaknya percaya pemilik sangkar berkenaan memterak spesies berkenaan secara haram bersama ikan lain.

permit membawa masuk baung ekor merah, tetapi ia perlu dirujuk kepada jabatan dahulu jika ada penternak mahu membelanya.

"Ikan jenis ini (baung ekor merah) tidak dibenarkan diternak dalam sangkar kerana dikhuatiri terlepas ke sungai disebabkan ia ikan pemangsa yang mengancam sumber sungai kita.

"Jika dibenarkan, mungkin diternak dalam tangki, tetapi bukan mudah kerana kita perlu buat penilaian se-

periti sistem penternakan-nya dan pembuangan sisa air," katanya di sini, semalam.

Zaki berkata, penternak itu ada 300 petak sangkar yang menempatkan pelbagai jenis ikan lokal seperti patin, baung dan talapia.

Bagaimanapun, katanya, pihaknya tidak menolak individu terbabit turut membela baung ekor merah yang juga bukan jenis lokal di dua atau tiga daripada sangkar sedia ada di Sungai Perak.

Mardi to unveil new padi seeds for Sabah, Sarawak

SERDANG: The Malaysian Agriculture Research and Development Institute (Mardi) will introduce a new variety of padi seeds suitable for soil conditions in Sabah and Sarawak next year. Its director-general, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor, said the institute was conducting research to ensure the padi seeds would have resistance against diseases and were suitable for the soil and weather conditions.

“Prior to this, we (Mardi) produced the MR2 98 padi seed, which is a coloured padi to be planted in Sarawak. The production of a new variety of padi seeds will help increase padi cultivation and spur the rice production industry as well as farmers’ incomes,” he said after launching four books by Mardi’s research officers in conjunction with the #MARDIMembaca Campaign here yesterday.

Bernama

Benih Musang King terima permintaan tinggi hingga ke Sabah

OKeh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

RAUB - Penanaman durian Musang King yang bukan sahaja mempunyai rasa enak tetapi bernilai tinggi menjadi yang menjadi sumber kekayaan menjadi satu fenomena baharu yang menarik minat seluruh rakyat di negara ini.

Pemilik Zamri Agro Farm, Zamri Othman berkata, selain permintaan buah durian Musang King yang tinggi, jualan benih durian klon di ladangnya juga tidak mencukupi kerana mendapat permintaan daripada seluruh negara.

"Sebenarnya permintaan benih durian Musang King tidak pernah cukup dan saya sentiasa menerima tempahan malah sehingga kini lebih 400,000 pokok benih durian klon itu telah terjual.

"Bukan sahaja permintaan tinggi di Semenanjung tetapi juga di Sabah yang mana sehingga kini



KERATAN Kosmo! semalam.

sebanyak 40,000 pokok benih Musang King telah dijual di negeri di bawah bayu itu," katanya di sini semalam.

Menurut Zamri, pada masa ini dia bukan sahaja menjual benih klon Musang King dan Duri Hitam yang berkualiti malah tidak menyang tangan menyediakan perkhidmatan penanaman durian Musang King.

Katanya, dia juga turut terlibat dalam beberapa perkhidmatan menyediakan penanaman dan pengairan serta khidmat nasihat

untuk projek ladang Musang King di seluruh negara termasuk Sabah.

Dalam pada itu, mengulas mengenai benih durian Musang King beliau memberitahu, terdapat dua kaedah yang dilakukannya iaitu melalui cantuman baji dan juga cantuman tunas.

Katanya, setiap benih durian Musang King dan Duri Hitam di ladangnya itu dijual dengan harga antara RMI7 sehingga RMI60 bergantung kepada saiz pokok.

"Dalam proses penanaman Durian Musang King apa yang penting adalah sumber air, baja dan cahaya bagi membolehkan pokok durian itu tumbuh dengan subur.

"Tidaklah susah untuk menjaga durian Musang King kerana ia juga seperti manusia memerlukan makanan, minuman dan cahaya. Jadi cahaya percuma cuma perlu memastikan bekalan air dan pembajaan yang betul," ujarnya.



ZAMRI menyediakan benih durian Musang King yang ditempah pelanggan di ladang Zamri Agro Farm di Raub baru-baru ini.

PERKENAL KAEDAH ELIT

Tumpuan utama dan pelaksanaan terkini ialah pemantauan ladang guna aplikasi

AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Pandemik Covid-19 banyak memberi prespektif baharu terhadap orang awam mengenai akses sumber harian penting terutama makanan.

Isu keselamatan makanan bukan hanya dilihat dalam skop tanggungjawab kerajaan semata-mata sebaliknya perlu ada pembabit dan inisiatif rakyat terutama penggiat pertanian dalam memastikan bekalan makanan mencukupi.

Namun bagi memastikan sumber makanan terutama dalam pertanian dan penternakan mencukupi, perubahan iklim selain

kekurangan sumber tanah yang subur juga dilihat satu cabaran.

Pengasas Urban Ecolife Agrofarm, Dr Abdul Aziz Azimullah, mengambil pendekatan meningkatkan amalan lestari dalam kaedah pertanian membolehkan kelangsungan pengeluaran hasil yang berterusan.

"Kebanyakan teknologi pertanian serata dunia seperti Amerika, Eropah, China mahupun India memfokuskan kepada 'regenerative agriculture' berasaskan tanah. Namun di ladang Urban Ecolife Agrofarm di Gombak Selangor ini, kami memilih kaedah peningkatan sumber hasil dalam ladang dengan menumpukan sumber air.

"Regenerative agriculture' berasaskan air ini menggunakan Ecolife

Modular Aquaponic System (EMAS) adalah sistem kami bangukan sendiri dengan mengambil kaedah akuaponik kemudian diintegrasikan bersama teknologi pintar.

"Kami menaik taraf sistem itu dengan memperkenalkan amalan atau kaedah pertanian moden, Ecolife Integrated Technology (ELIT) meliputi empat prinsip termasuk sistem akuaponik tadi.

"Tumpuan utama dalam kaedah baharu dan pelaksanaan terkini ialah pemantauan ladang menggunakan aplikasi atau boleh dilihat menerusi peranti.

"Ia memberi pandangan baharu kepada anak muda dengan melihat aktiviti pertanian ini satu cabang profesion yang lebih menarik," katanya.

> 36



TANAMAN berdaun seperti pedina boleh ditanam dalam pasu kecil.



LARVA klot tenzera hitam rosejadi sumber makanan untuk ikan.



ABDUL Aziz menunjukkan satu lagi produk pertanian iaitu tanaman 'microgreen'.

DARI MUKA 35

Abdul Aziz berkata, sistem itu bukan saja lestari malah membantu petani yang menggunakan sistem berkenaan untuk menyesuaikan format atau formula bersesuaian dengan amalan atau skala ladang masing-masing.

"Mengetahui kajian ELIT yang dibangunkan lebih dua tahun lalu yang memfokuskan 'regenerative agriculture' berasaskan air mempunyai empat prinsip atau kriteria utama iaitu pertama, sistem akuaponik integrasi.

"Model sistem ini EMAS ada beberapa siri iaitu 101, 201, 302 dan lainnya, menggunakan modular sistem akuaponik boleh dilaras untuk kesesuaian sistem mikro (ladang kecil) atau rekaan sistem akuaponik berskala besar.

"Prinsip kedua pula ialah Zero Feed System (Sistem Makanan Sifar) menggunakan sumber ditanam atau dihasilkan sendiri dalam ladang seperti Lalat (BSF), cacing, azola selain hasil atau sisa ternakan lain sebagai makanan ternakan dan baka," katanya.

Bagi prinsip keempat dalam sistem ELIT, Abdul Aziz menerangkan Sistem Tenaga Sifar iaitu menggunakan solar dan biomas bagi menjana tenaga elektrik.

Sementara prinsip keempat pula ialah Sistem Pengeluaran (Tuai/Hasil) Hi-Tech & Internet Of Things (IoT) apabila adanya janaan automatik membantu dalam memantau penjagaan hinggalah kepada raihan hasil.

Malah Abdul Aziz mengandalkan apabila sistem berkenaan

PRODUK LEBIH SIHAT, BERSIH

Andaian Abdul Aziz apabila sistem berkenaan diperluaskan kepada ladang lain

diperluaskan kepada ladang lain, produktiviti sumber makanan bukan saja mencukupi malah kualiti produk juga sihat dan bersih.

"Eksperimen kami bukan saja terhadap tumbuhan berdaun seperti pudina, parsley dan bayam brazil malah ketika ini diperluaskan kepada tanaman bernilai tinggi seperti halia bara.

"Selain usahawan rani, saya juga pengamal perubahan holistik yang meningkatkan kualiti kesihatan dengan penggunaan herba tradisi dan bebas bahan kimia.

"Penting untuk saya hasilkan produk pertanian berkualiti organik dan bebas kimia bagi menjamin kualiti kesihatan selain mengekalkan amalan lestari dalam ladang," katanya.

Dalam ladangnya itu, selain tanaman herba



KAWASAN demonstrasi bagi sistem akuaponik Abdul Aziz.



FILTER atau tangki merawat menggunakan mikrobiologi.

serta sayur-sayuran, sistem akuaponik yang sama turut mengeluarkan lebih 200 hingga 500 ekor ikan tilapia matang dalam tempoh tiga bulan.

Ketika ini pihaknya membangunkan

plot pertanian dan penternakan bagi tujuan demonstrasi selain memperkenalkan teknologi itu kepada usahawan muda yang mahu menceburi pertanian moden.



Eksperimen kami bukan saja terhadap tumbuhan berdaun seperti pudina, parsley dan bayam brazil malah ketika ini diperluaskan kepada tanaman bernilai tinggi seperti halia bara

ABDUL AZIZ



VERTIKAL juga kekadang diguna dalam membantu menjimatkan ruang bagi petani yang tidak memiliki tanah luas.



TANAMAN bayam brazil yang ditanam dalam satu plot untuk demonstrasi.